

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

**PERTANYAAN :**      **JAWAB LISAN**

**DARIPADA :**      **TUAN AHMAD JOHNIIE BIN ZAWAWI [ IGAN ]**

**TARIKH :**      **4 NOVEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah perancangan jangka panjang Kementerian untuk menaikkan taraf ekonomi penduduk luar bandar di kawasan Parlimen Igan dan nyatakan program yang akan dilaksanakan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sepanjang tahun 2020, Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah memperuntukkan sejumlah RM15.424 juta untuk melaksanakan enam (6) projek di Parlimen Igan. Peruntukan ini turut meliputi program peningkatan ekonomi seperti Projek Bersepadu Pembangunan Kampung (PROSPEK), Program Tanam Semula Getah (RISDA) dan pembiayaan perniagaan MARA.

Selaras dengan hasrat Dasar Pembangunan Luar Bandar 2030 (DPLB 2030), fokus Kementerian adalah untuk meningkatkan kesejahteraan penduduk luar bandar dari segi ekonomi, sosial, budaya dan persekitaran. Justeru, Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) akan memberi tumpuan kepada beberapa inisiatif untuk mempelbagaikan sumber pendapatan melalui aktiviti pertanian seperti Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET), Program Peningkatan Pendapatan (PPP), pembangunan tanah terbiar dan *smart farming* di bawah PROSPEK serta memanfaatkan ekonomi digital melalui pemerksaan Pusat Komuniti Desa (PKD) dan pemerksaan *DesaMall@KPLB*. Hasrat ini disokong dengan pemberian latihan kepada penduduk luar bandar melalui Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) serta program-program keusahawanan anjuran agensi KPLB seperti KEMAS, MARA dan Lembaga Kemajuan Wilayah (LKW).

Kementerian sedang dalam proses meneliti cadangan program-program baharu untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) khusus untuk meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar, seperti mana yang telah digariskan di bawah DPLB 2030. Oleh itu, program peningkatan ekonomi penduduk di Sarawak khasnya di Parlimen Igan akan mengambil kira keutamaan sebagaimana dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Sarawak.